



**MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**  
**BAHAGIAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL**

**KENYATAAN TAWARAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat ( **TERENGGANU SAHAJA** ) yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** kod 110301 ( **Alat Ganti /Aksesori Kenderaan** ) atau 110302 ( **Alat Ganti /Aksesori Jentera Berat** ) atau 110399 **Pembuat ( Alat Ganti & Aksesori)** dan tajuk masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan berikut :-

<b>BIL</b>	<b>NO SEBUTHARGA</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HARGA</b>
1	MBKT SH41/2026	<i>TAWARAN MEMBEKAL PELBAGAI JENIS MINYAK UNTUK KEGUNAAN KENDERAAN PENUMPANG, LORI, BAS DAN JENTERA MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU.</i>	RM 20.00
2	MBKT SH42/2026	<i>TAWARAN MEMBEKAL PELBAGAI JENIS BATERI UNTUK KEGUNAAN KENDERAAN PENUMPANG, LORI, BAS DAN JENTERA MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU.</i>	RM 20.00
3	MBKT SH43/2026	<i>TAWARAN MEMBEKAL TAYAR UNTUK KEGUNAAN KENDERAAN PENUMPANG, LORI, BAS DAN JENTERA MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU.</i>	RM 20.00

1. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dan makluman lanjut boleh didapati semasa waktu pejabat di Tingkat 18, **Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan**, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dengan pembayaran melalui ( **Tunai, Bank Draf atau "Money Order" sahaja**). Untuk maksud ini wakil-wakil syarikat ( dengan surat perwakilan kuasa ) hendaklah membawa bersama-sama Sijil Pendaftaran Asal Kementerian Kewangan Malaysia dan **satu salinannya** hendaklah dibawa bersama semasa membeli/mengambil **Dokumen Sebutharga**.
2. Satu salinan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** dan Rekod Pengalaman Kerja (Pembekalan) dalam bidang berkaitan hendaklah dikembalikan bersama sebutharga di dalam sampul surat dan dihantar ke alamat:

**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA**  
**KUALA TERENGGANU.**

dengan menulis disebelah luar " **No. Sebutharga seperti contoh [ MBKT SH. XX/2026 ]** " dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 18, Menara Majlis Bandaraya Kuala Terengganu tidak lewat daripada **12.00 tengahari** pada **12 APRIL 2026 (AHAD)**.

3. Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah sekali ataupun mana-mana tawaran.
4. Sebutharga ini akan dijual mulai **31 MAC 2026 (SELASA)** hingga **9 APRIL 2026 (KHAMIS)** pada waktu pejabat sahaja.
5. Syarikat WAJIB mengemukakan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate - TCC) yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia semasa menghantar Dokumen Sebut Harga.
6. Pemborong yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas sebutharga disetujuterima atau menarik balik sebutharga selepas keputusan dibuat maka lesen pemborongnya boleh digantung.

***t.t***

**( HAJI LIZAN BIN CHE MAT )**

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.